



HANAFIAH AYUB (tengah) serta pegawai dan atlet Pusat Sukan UPM bergambar bersama Pengarang Berita Kanan Utusan Malaysia, Muhammad Nizam Abdul Hamid (empat dari kiri) semasa lawatan ke Ibu pejabat Utusan Melayu (M) Berhad di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ABDUL NAZIR MOHAMED

# Kolaborasi Utusan, Pusat Sukan UPM

Oleh **NURIN WAHIDAH  
MOHD. KHALID**

[pengarang@utusan.com.my](mailto:pengarang@utusan.com.my)

■ KUALA LUMPUR 15 JAN.

**P**USAT Sukan, Universiti Putra Malaysia (UPM) sedia berkolaborasi dengan Utusan Melayu (M) Berhad (UMMB) dalam program-program yang akan dilaksanakan pada masa depan.

Ketuanya, Dr. Hanafiah Ayub berkata, program itu termasuklah mempromosikan pegawai sukan dan atlet UPM yang banyak merekodkan kejayaan bukan sahaja untuk institusi pengajian tersebut bahkan negara ini.

“Kami ingin mencari ruang

kerjasama yang boleh digunakan untuk menyalurkan maklumat mengenai atlet dan pegawai sukan serta diyakini mempunyai nilai berita seperti diperlukan media arus perdana.

“Kami beranggapan saluran yang boleh digunakan terhad kepada bidang sukan tetapi selepas perbincangan hari ini, dapat dikecualikan pasti bahawa banyak lagi bahagian lain untuk menyebarkan berita kami ada untuk dikongsikan,” katanya dalam lawatan ke Ibu pejabat UMMB, di sini hari ini.

Hanafiah memberitahu, sebelum ini Pusat Sukan UPM terbatas dalam menyampaikan berita kerana tidak mengetahui keperluan yang memenuhi kehendak media.

“Kami sering kali keliru dengan platform untuk mempromosikan sukan dalam media arus perdana, namun dalam lawatan kali ini banyak ruang kerjasama boleh dijalankan untuk tujuan itu,” ujarnya.

Sementara itu, lawatan Hanafiah bersama 14 pegawai dan 12 pelajar disambut Penolong Pengarang 2 Kosmo!, Jamdi Nasir dan Penolong Pengarang Sukan Utusan Malaysia, Aizawati Ahmad serta bahagian korporat dan pemasaran Kumpulan Utusan.

Delegasi itu turut meluangkan masa kira-kira dua jam dalam sesi perbincangan selain melawat dan meninjau gerak kerja di Jabatan Pengarang Utusan Malaysia dan Kosmo!.